

# OPANAS, TERKINI...



www.tv3.com.my



HALIM MASOD

## Nilai destinasi kedua Sureheboh 2006

*Destinasi kedua itu dipilih kerana ia terkenal sebagai lokasi dan pasaran borong yang semakin terkenal dan diberi jolokan One Stop Shopping Centre di Negeri Sembilan*

Oleh Shaffique Ahmad Zehnun

**A**PA yang sering kita saksikan setiap kali adanya Sureheboh adalah suasana tapak yang indah dan teratur dengan pelbagai gerai tersusun mengikut ciptaan kreativiti dan cita rasa pemiliknya.

Apa yang pasti, segala persiapan di gerai itu dibuat dengan perincian supaya ia menarik minat semua pengunjung.

Begitulah kata Pengurus Projek Khas Jabatan Pengurusan Jenama TV3, Halim Masod.

Kesempatan bertemu dengan Halim, baru-baru ini memang dinantikan kerana beliau selalunya sibuk dengan persiapan untuk menyajayakan Sureheboh 2006.

Tidak dapat disangkal lagi, persiapan untuk Sureheboh 2006 dibuat dengan penuh perancangan dan optimis. Hebat sungguh mereka yang bekerja di sebalik tabir kerana tenaga pekerjanya agak terhad tetapi begitu bersemangat dalam memberikan kelainan kepada pengunjung.

Halim mengakui persiapan untuk setiap karnival Sureheboh perlu dilakukan selama dua bulan sebelum tarikh sebenar acara itu berlangsung.

"Persiapan merangkumi pelbagai aspek termasuk ciri-ciri keselamatan

untuk pengunjung yang diawasi pihak polis, bomba dan Rela. Selain itu, tapak gerai juga diberi perhatian untuk keselesaan peniaga serta pengunjung. Tahun ini menampakkan pelbagai kelainan kerana gerai diubah suai mengikut selera peniaga serta tenaga kerja terbabit," ujar Halim dengan teruja.

Bukan itu saja, perbincangan bersama kerajaan di setiap negeri juga memberi hasil yang memuaskan kerana mereka menyokong usaha ini dan begitu komited serta prihatin terhadap setiap aspek yang diketengahkan.

Ia juga dianggap satu platform untuk mempromosikan pelancongan dan meningkatkan ekonomi setempat.

"Destinasi kedua tahun ini, Nilai dipilih kerana lokasi dan pasaran borongnya yang semakin terkenal yang telah diberi jolokan One Stop Shopping Centre. Sehubungan itu, kami yakin lokasi ini mendapat sambutan dari seluruh rakyat di Nilai khususnya dan seluruh Malaysia pada amnya."

"Selain aspek keselamatan, kami juga menitikberatkan tentang logistik kawasan tapak di mana ia sesuai untuk laluan orang ramai. Sistem pengangkutan juga diambil kira bagi memudahkan orang ramai berkunjung ke karnival itu."

"Juga disediakan pusat penjagaan kanak-kanak kepada orang ramai bagi keselesaan mereka. Turut disediakan pelbagai juadah dengan harga yang berputat di samping menikmati keselesaan di gerai terbabat.

"Gerai-gerai makanan ini dibuka oleh peniaga-peniaga tempatan terutamanya dari kawasan Nilai sendiri. Inilah peluang pengunjung menikmati juadah tradisional penduduk Negeri Sembilan," katanya.

Katanya, bajet yang diperuntukkan bagi Sureheboh makin meningkat untuk mewujudkan suasana yang sofistikated, teratur dan mantap. Mereka juga menyediakan peralatan teknikal yang canggih dalam rangka yang lebih besar bagi kepuasan seluruh peniaga, orang ramai dan tenaga kerja.

Apa yang pasti, pengarjuran Sureheboh bukannya sesuatu yang mudah dan remeh. Pengarjuran sebesar ini setiap bulan perlukan dedikasi serta komitmen yang tinggi daripada semua pihak.

**“Persiapan merangkumi pelbagai aspek termasuk ciri-ciri keselamatan untuk pengunjung yang diawasi pihak polis, bomba dan Rela. Selain itu, tapak gerai juga diberi perhatian untuk keselesaan peniaga serta pengunjung”**

Halim



SUASANA dalam gerai yang disediakan untuk pengunjung.



ANTARA persiapan yang dibuat sebelum karnival bermula.